

13

Bolehkah saya berubah fikiran semasa proses berjalan?

Ya, awda boleh menarik diri pada bila-bila masa, dan keputusan awda akan dihormati tanpa sebarang tekanan.

14

Adakah menderma buah pinggang akan memjejaskan kesihatan saya?

Kebanyakan penderma terus menjalani kehidupan yang normal. Awda masih akan mempunyai satu buah pinggang yang sihat untuk menjalankan fungsi kedua-duanya.

15


Adakah saya akan menjalani kehidupan normal selepas menderma buah pinggang?

Ya. Kebanyakan penderma kembali menjalani gaya hidup yang normal dan aktif selepas pemulihan, tanpa sebarang sekatan atau had.

**UNTUK MAKLUMAT LANJUT,
HUBUNGI KAMI:**


Penyelaras Pemindahan Buah Pinggang,
Unit Pemindahan Buah Pinggang,
Pusat Dialisis Rimba,
Jabatan Perkhidmatan Renal,
Kementerian Kesihatan

+673 7440122
(Semasa Waktu Bekerja)



جابتن فرخدماتن رينل
JABATAN PERKHIDMATAN RENAL
KEMENTERIAN KESIHATAN

SOALAN-SOALAN LAZIM PENDERMAAN BUAH PINGGANG DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



1

Apakah pendermaan buah pinggang?

Pendermaan buah pinggang ialah apabila awda mendermakan satu buah pinggang awda kepada ahli keluarga terdekat yang mengalami kegagalan buah pinggang.

2

Apakah pendermaan buah pinggang dibenarkan didalam Islam?

Ya. Seperti yang dinyatakan dalam Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam (2009), ia adalah harus (dibenarkan).

3

Bolehkah saya hidup dengan satu buah pinggang?

Ya, kebanyakan orang boleh hidup lama dan sihat dengan hanya satu buah pinggang.

4

Siapa yang boleh menderma?

Mengikut polisi pendermaan yang ada di Brunei, hanya ahli keluarga terdekat (contohnya ibu bapa, adik-beradik, suami, isteri atau anak-anak) yang sihat sahaja yang mungkin akan dipertimbangkan untuk pendermaan buah pinggang.

5

Apakah kelayakan untuk menjadi penderma buah pinggang?

Awda mestilah:

- Ahli keluarga terdekat kepada penerima
- Berumur antara 21 hingga 62 tahun
- Sihat dari segi fizikal dan mental
- Bebas daripada penyakit kronik seperti diabetes, tekanan darah tinggi, atau penyakit buah pinggang



6

Apakah ujian perubatan yang perlu saya jalani?

Awda akan menjalani ujian darah dan air kencing, ujian radiologi, serta penilaian perubatan dan psikososial menyeluruh untuk memastikan keselamatan dan kesesuaian awda.

7

Adakah pendermaan 'altruistic' dibenarkan di Brunei?

Tidak

8

Adakah pendermaan buah pinggang selamat?

Ya, tetapi seperti pembedahan yang lain, akan terdapat risiko seperti jangkitan, pendarahan, atau komplikasi daripada anestesia.

9

Berapa lama jangka masa pemulihan?

Kebanyakan penderma kembali menjalani aktiviti harian seperti biasa dalam masa 4-6 minggu, bergantung kepada kesihatan dan jenis pekerjaan masing-masing.

10

Bolehkah saya mengandung selepas menderma buah pinggang?

Ya. Ramai wanita menderma dan kemudiannya mengandung dan melahirkan tanpa komplikasi yang berkaitan dengan pendermaan.



11

Adakah gaya hidup saya akan berubah selepas pendermaan?

Tiada perubahan besar yang diperlukan, tetapi awda harus mengamalkan gaya hidup sihat dan menjalani pemeriksaan perubatan secara berkala.

12

Bolehkah saya masih bersenam dan bekerja seperti biasa?

Ya, selepas awda pulih, awda boleh kembali bekerja, bersenam, dan menjalani aktiviti harian seperti biasa.